

Mengharap KL jadi bandar raya buku

Oleh AZLINARIAH ABDULLAH
(WARTAWAN UTUSAN)

IDEA menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya buku bukan baru. Ia diperkatakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada awal tahun lepas semasa merasmikan majlis penubuhan dan Mesyuarat Agung Dewan Industri Buku.

Kemudian, hasrat yang disuarakan oleh Timbalan Perdana Menteri itu disuburkan lagi dengan pelbagai pihak yang terbabit dalam industri berkenaan berusaha menjadikannya satu kenyataan.

Antaranya, kempen membaca digiatkan, bulan membaca disemarakkan, jumlah buku di perpustakaan ditambah dan bantuan dalam hal ehwal perbukuan dipertingkatkan demi menggalakkan pembacaan di kalangan warga di negara ini.

Jauh sebelum itu sebenarnya, kita telah laksanakan Kampung Buku di Langkawi.

Entah mengapa, pada awal berjalan dengan agak baik ia kemudian tidak mendapat sambutan seperti mana yang diinginkan. Sama ada kurang promosi, masalah masyarakat kita tidak minat membaca atau ada kekangan lain, itu tidak dapat dipastikan. Kesudahan nasib Kampung Buku itu bagai dilupakan begitu sahaja walau dari segi konsepnya tidak jauh beza dengan impian mewujudkan sebuah kota buku, KL sebagai bandar raya buku.

Tujuannya tidak lain dan tidak bukan pada akhirnya mahu memupuk minat membaca di kalangan masyarakat.

Baru-baru ini, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) melalui Pengerusinya, Tan Sri Abdul Rafie Mat menyaran sekali lagi supaya ibu kota Kuala Lumpur diiktiraf sebagai bandar raya buku.

"Sudah banyak usaha dilakukan, bukan sedikit sumbangan pihak-pihak tertentu ke arah menartabatkan program membaca dan kita ada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang saban tahun jumlahnya semakin bertambah. Di samping itu gedung ilmu, kedai buku makin tumbuh pesat di ibu kota.

"Perkembangan yang positif ini tidak mustahil boleh memandu pihak lain untuk mencadangkan kepada Pertubuhan Bagi Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) untuk memulakan pengiktirafan kepada KL, seperti menjadi bandar raya buku misalnya," kata Setiausaha MBKM, Roselan Zainal Abidin kepada *Utusan Malaysia*.

Katanya, usaha itu adalah kerja berterusan, tidak berhenti setakat memberi cadangan semata-mata.

"Lihatlah apa yang telah dilakukan mengenai program-program membaca. Ada pelbagai jenis program yang sifatnya untuk memupuk minat membaca. Pada tahun ini sahaja, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) merancang banyak program. Misalnya, Program Gerak Membaca, Karnival Buku 2007 selain pesta buku peringkat negeri, kelab buku Malaysia, program derma buku dan pameran buku serta sebagainya."

Dalam pada itu, untuk tidak menjadi pesimis, kita cuma mahu bertanya, adakah kegagalan pelaksanaan Kampung Buku di Langkawi itu diambil kira oleh pihak-pihak yang mahu menjadikan KL ini sebagai bandar raya buku.

"Kita mengalu-alukan sebarang perkembangan positif mengenai hal-hal buku ini. Tetapi ia perlu mengambil kira banyak perkara. Adakah warga KL ini dikategorikan sebagai kalangan mereka yang sanggup membaca tidak kira berjalan, pantang

ada masa terluang, sedang berada di dalam pengangkutan awam dan sebagainya. Adakah budaya membaca sebegitu subur di kalangan warga KL?"

Beliau dalam pada itu mengakui bahawa banyak yang telah dilakukan oleh PNM ke arah menjadikan warga KL ini minat membaca. Tetapi katanya, itu sahaja tidak mencukupi. Kriteria untuk menjadikan sebuah bandar raya (tidak sahaja KL) itu kota buku jauh melangkaui faktor minat membaca semata-mata.

"Ia turut mengambil kira apakah KL ini menjadi saluran utama bagi promosi dan jualan buku tempatan, tempat pelancaran buku, tempat rundingan hak untuk terbitan serta terjemahan buku dan pameran buku-buku baru.

"Kalau itu semua masih belum dicapai, impian menjadikan KL sebagai kota buku setaraf dengan Paris, London, Teheran dan sebagainya hanya tinggal impian," ujar beliau sambil mengalu-alukan saranan MBKM itu.

Beliau turut mencadangkan buat permulaan sebelum menjadi bandar raya buku, KL wajar menempatkan diri untuk dipilih sebagai bandar raya ibu kota buku dunia, yang turut dianjurkan oleh UNESCO setiap tahun.

Kriteria pemilihan termasuk inisiatif dan program promosi buku dan pembacaan yang terbaik sesebuah bandar raya dalam tahun penilaian iaitu antara tarikh sambutan Hari Hak Cipta dan Buku Sedunia pada 23 April 2008 hingga 23 April 2009.

Antara yang dipilih sebagai bandar raya ibu kota dunia ialah Madrid (Sepanyol); Iskandariah (Mesir); New Delhi (India) dan Montreal (Kanada).

Dalam pada itu, Sasterawan Negara seperti Datuk A. Samad Said turut berpandangan positif mengenai syor mengiktiraf KL

sebagai bandar raya buku.

"Pada masa sama, kita sebenarnya tidak mahu idea mengenai KL jadi bandar raya buku ini menjadi timbul tenggelam. Walaupun pelaksanaan Kampung Buku tidak menjadi, sekurang-kurangnya cita-cita itu tidak boleh padam.

"Sejarah kegagalan lalu dalam mewujudkan Kampung Buku itu wajar diperiksa dan dijadikan sempadan mengiktiraf KL bandar raya buku," katanya.

Menurut beliau yang amat menggemari buku, perkembangan yang ada sekarang lebih terbuka untuk menjadikan KL itu sebagai bandar raya buku.

Harapan menjadikan KL sebagai bandar raya buku bukan cita-cita khayal. Ia tidak mustahil jika disertai dengan kempen ber-sungguh-sungguh, jalinan kerjasama PNM yang mengeluarkan banyak buku, peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan penjual-penjual buku besar.

"Kalaupun didakwa khayalan, ia biarlah sementara. Perancangan teratur, watak-watak yang dipertanggungjawab bergerak seiring, kempen tanpa jemu akan menjadikannya bukan khayalan."

Ada banyak perkembangan baru berlaku di Kuala Lumpur ini, khususnya berkaitan dengan buku.

Di Kuala Lumpur nampaknya ada toko-toko, gedung buku yang lengkap dari segi judul buku. Ini boleh sahaja didapati di Kinokuniya, MPH Bookstore dan Borders di mana buku bahasa Inggerisnya sangat lengkap dan terkini. Cuma buku Melayu tidak begitu lengkap cuma khusus kepada novel cinta remaja lebih banyak.

"Mengharapkan KL menjadi bandar raya buku ini amat baik dan nampak jalannya lebih mudah kerana sudah ada rangkaian - gedung buku yang lengkap," kata Pak Samad dengan yakin.

Um - 29/1/2007